

323kg minyak masak bersubsidi dirampas



Suhaimi Mat Sari

➔ Premis langgar syarat lesen guna tong terpakai untuk pembungkusan

Oleh Muhammad Mustakim Ramli, Farah Suhaidah Othman, Abdul Rahemang Taiming, Mohd Nazllie Zainul dan Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

► Ipoh

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Cooperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menahan tiga individu dan merampas 323 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi disimpan dalam tong terpakai yang diragui status halal selepas menyerbu sebuah syarikat pembungkusan bahan itu di Jelapang Meru, di sini.

Timbalan Pengarah KPDNKK negeri, Suhaimi Mat Sari, berkata hasil maklumat orang awam dan risikan pegawai penguat kuasa, pihaknya menyerbu syarikat itu pada jam 2 petang kelmarin sebelum peme-

riksaan mendapati pekerja premis berkenaan melanggar syarat lesen dengan menggunakan tong terpakai untuk pembungkusan.

“Seorang daripada tiga yang ditahan adalah pemilik premis berusia 50-an,” katanya.

Cubaan seludup

Di **Kangar**, Pengarah Kastam Perlis, Kamarudin Jaafar, berkata peningkatan harga minyak masak sejak Selasa lalu, bukan penghalang bagi bahan asas itu diseludup ke negara jiran.

“Sejak rasionalisasi harga diperkenalkan Selasa lalu, katanya, pihaknya ada menahan beberapa individu yang cuba menyeludup bahan itu,” katanya.

Di **Kuala Langat**, Ketua Penolong Pengarah Unit Pencatutan, KPDNKK, Low Swee Hon, berkata bekalan minyak masak paket dengan berat satu kg yang terputus bekalan dijangka pulih, minggu depan.

Katanya, bekalan minyak masak paket terputus bekalan berikutan kebanyakan pengguna panik apabila mengetahui harga minyak masak akan naik.

“Minyak masak paket kekal bersubsidi dan dijual pada harga RM2.50 sepaket dan hanya minyak masak botol yang dijual tanpa subsidi serta mengikut harga pasaran,” katanya.

Di **Tawau**, KPDNKK Sabah memberi jaminan bekalan minyak masak di negeri ini mencukupi bagi menampung permintaan serta penggunaan harian, termasuk menjelang Krismas dan Tahun Baharu Cina.

Pengarahnya, Yahya Sulaiman, berkata pemantauan pihaknya di pusat pemborong, pasar raya dan kedai runcit di seluruh negeri termasuk di Pulau Sebatik yang bersempadan dengan Indonesia mendapati, stok bekalan minyak 1kg bersubsidi dan minyak botol 5kg mencukupi dan terkawal.